



Ketersediaan sumber biojisim buka jalan ekonomi kitaran hijau Malaysia

Bernama
Disember 15, 2021 14:49 MYT



Menurut Dr Adham, dianggarkan Malaysia mengeluarkan 168 juta tan biojisim setahun termasuk sekam padi, kayu balak, minyak kelapa dan sisa sawit. - Gambar fail

PUTRAJAYA: Ketersediaan sumber biojisim yang banyak dan sektor bioteknologi yang agak matang untuk menjana biotenaga akan membuka jalan kepada hasrat Malaysia untuk menjadikan ekonomi kitaran hijau sebagai asas kepada pertumbuhan sosioekonomi, kata Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Seri Dr Adham Baba.

Berucap pada Asian Biohydrogen and Biorefinery Symposium and Sustainability Challenge (ABBS-SC 2021) ke-16 secara dalam talian hari ini, Dr Adham berkata pengeluaran hidrogen daripada sisa seperti air sisa dan biojisim sebagai alternatif untuk bahan api fosil, akan mendapat permintaan tinggi pada masa hadapan kerana banyak penggunaan hidrogen.

Beliau berkata pelbagai usaha telah dilakukan di universiti tempatan dan institut penyelidikan mengenai penyelidikan asas pengeluaran hidrogen daripada sisa, bukan sahaja daripada industri minyak sawit tetapi juga daripada industri pertanian lain.

"Malaysia perlu memberi tumpuan kepada teknologi hijau, tenaga boleh diperbaharui serta penyesuaian dan mitigasi perubahan iklim. Ini kunci untuk Malaysia menjadi negara maju menjelang 2030," katanya sambil menambah Malaysia boleh meningkatkan pertumbuhan ekonomi dengan penggunaan biojisim yang efisien.

Menurut Dr Adham, dianggarkan Malaysia mengeluarkan 168 juta tan biojisim setahun termasuk sekam padi, kayu balak, minyak kelapa dan sisa sawit.

"Sumber mampan ini boleh ditukar kepada produk berasaskan bio baharu termasuk biotenaga, baja bio dan biobahan," katanya dan menyeru pemain industri untuk beralih kepada bioproduk daripada sumber boleh diperbaharui untuk mengurangkan jejak karbon dan pelepasan.

Simposium berkenaan dianjurkan Pusat Penyelidikan Teknologi Proses Mampan (CESPRO) Universiti Kebangsaan Malaysia dan mengumpulkan pakar membincangkan isu dan cabaran berkaitan bioekonomi dan kemampanan kitaran Malaysia dan di seluruh dunia.

-- BERNAMA